

19 JAN 1999

Abdullah-Kunjungan

KUNJUNGAN RUMAH TERBUKA TUNJUK RAKYAT MAHU HIDUP AMAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kunjungan ke rumah terbuka oleh pelbagai lapisan rakyat Malaysia seperti pada Hari Raya ini, menunjukkan keinginan mereka untuk hidup dalam suasana aman damai dan berbaik-baik di antara satu sama lain.

Beliau berharap "Cara Malaysia" yang unik ini dapat dipelihara buat selama-lamanya bagi memastikan rakyat terus hidup secara bertoleransi di antara satu sama lain.

"Ini adalah sangat baik dan kita harap cara macam ini, iaitu 'Malaysian way' ini dapat kita pelihara dan jaga supaya rakyat Malaysia sentiasa hidup dalam suasana baik dan hormat menghormati dengan sikap toleransi.

"Kita mahu Malaysia sentiasa aman dan damai agar kita dapat melaksanakan apa jua rancangan dengan jayanya," katanya di majlis rumah terbuka beliau di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Mengenai pengalaman beliau yang pertama kali merayakan Hari Raya Aidilfitri sebagai Timbalan Perdana Menteri, Abdullah melahirkan rasa terharu dan gembiranya kerana kunjungan begitu ramai rakyat pelbagai kaum bagi mengucapkan Selamat Hari Raya kepada beliau dan keluarganya.

"Ini adalah satu suasana yang pada saya sangat baik dan perlu dikekalkan buat selama-lamanya," katanya.

Ditanya sama ada kunjungan begitu ramai rakyat ke rumah terbukanya ini adalah satu petanda baik kepada Barisan Nasional, Abdullah berkata: "Ini boleh jadi dilihat sebagai suasana gembira bagi semua rakyat Malaysia. Mereka rasa tidak teragak-agak untuk mengunjungi rumah terbuka pemimpin kerajaan dan masyarakat."

Abdullah berkata beliau juga turut menyaksikan kunjungan begitu ramai rakyat di rumah terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi.

"Kita memang harapkan rakyat Malaysia hidup dalam suasana sebegitu iaitu tidak ada sebarang perasaan takut atau bimbang. Semua rakyat berbilang keturunan dan agama dapat hidup dalam suasana aman yang menunjukkan adanya sikap toleransi dan saling hormat menghormati.

"Inilah yang menjadikan Malaysia sebagai negara yang berjaya," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir kelmarin yang pelantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru telah meredakan suasana politik negara, Abdullah berkata beliau bersyukur jika pelantikannya boleh membawa keadaan sedemikian.

"Bagi saya, saya tahu disebalik sokongan ini dan kenyataan-kenyataan yang dibuat begitu banyak mengenai saya, saya faham bahawa ada satu harapan di sebalik ini.

"Harapan supaya saya menjalankan tugas dengan baik dan adil dengan mendengar dan mengambil kira pandangan-pandangan yang diberi oleh rakyat berkaitan dengan tugas-tugas yang saya jalankan," katanya.

Mengenai pelantikan Ketua Polis Negara yang baru bagi menggantikan Tan Sri Rahim Noor yang meletakkan jawatan, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri enggan mengulas mengenai calon atau bila pelantikan akan dibuat.

Jawatan itu kini dipangku oleh Tan Sri Norian Mai.

"Tapi kita pun tak berhasrat tinggalkan jawatan itu kosong tanpa dipenuhi dengan seorang pegawai tetap," katanya.

Mengenai cadangan penubuhan Suruhanjaya Bebas untuk menyiasat kecederaan yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri

Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan polis, Abdullah berkata buat masa sekarang belum ada keputusan muktamad mengenainya.

"Bila kita buat keputusan kita akan umumkan dan kita akan buat penjelasan. Sekarang ini belum dibuat keputusan muktamad," katanya.

Sementara itu hampir 20,000 orang mengunjungi majlis rumah terbuka Abdullah sehingga anggota keselamatan menghadapi kesukaran untuk mengawal orang ramai yang berasak-asak untuk cuba berjabat tangan dengan Abdullah.

Ini memaksa Abdullah untuk memberikan satu ucapan ringkas kepada hadirin yang penuh sesak di dalam Dewan Merdeka.

Antara yang mengunjungi beliau adalah Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC Datuk S. Samy Vellu, Presiden PPP Datuk M. Kayveas dan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang.

-- BERNAMA

RV/MSL KGO AR